

EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

KAJIAN ASPEK BAHASA
PUISI TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN ;
PERBILANGAN ADAT

DISEDIAKAN OLEH :
NORAZAH BINTI OMAR 37890

BAB III

GOLONGAN KATA DALAM PERBILANGAN ADAT

PENGENALAN

Perkataan -perkataan dalam bahasa Melayu boleh digolongkan ke dalam beberapa golongan kata tertentu. Setiap golongan kata itu pula mempunyai subgolongannya sendiri. Istilah *golongan kata* ini samalah dengan apa yang dimaksudkan dengan *jenis-jenis perkataan* menurut Zaaba.

Kajian terhadap golongan kata ini telah dijalankan oleh beberapa orang sarjana bahasa Melayu tetapi hasil kajian mereka tidak selaras. Di antara sarjana-sarjana itu termasuklah Marsden (1812), R.O Winstedt (1938), M.B. Lewis (1954), Zaaba (1947), dan Asmah Haji Omer (1968), (Abdullah Hassan , 1988.21)

Perkataan dalam sesuatu bahasa dapat digolongkan ke dalam golongan-golongan tertentu berdasarkan beberapa kriteria , misalnya kriteria struktur fonologi, kriteria struktur morfologi, kriteria sintaksis dan kriteria semantik (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan , 1989:43).

Ahli-ahli bahasa tradisional kebanyakannya menggolongkan perkataan berdasarkan kriteria semantik. Penggolongan jenis ini sebenarnya bermodelkan atau mencontohi penggolongan perkataan yang dibuat oleh Plato dan Aristotle yang menganalisis perkataan dalam bahasa Greek dan Latin (Raminah Sabran dan Rahim Syam, 1985:174)

Dalam bahasa Melayu, penggolongan perkataan oleh Zaaba (1965:81) adalah berdasarkan model Plato dan Aristotle. Zaaba menggolongkan perkataan-perkataan bahasa Melayu kepada lima golongan iaitu *nama*, *perbuatan*, *sifat*, *sendi* dan *seruan* dengan subgolongan tertentu.

Sementara Asmah Haji Omar, berpendapat bahawa penggolongan kelas kata tidak hanya semata-mata berdasarkan maknanya sahaja, tetapi melihat juga pada fungsi tatabahasanya.

Beliau membahagikan kata-kata dalam bahasa Melayu kepada *kata namaan (nominals)*, *kata kerjaan (verbals)* dan *kata tugas (function words)*, (Abdullah Hassan .1989:114). Penggolongan kata cara

Asmah Haji Omar ini ada persamaan dengan penggolongan yang dibuat oleh Marsden.

Menurut Abdullah Hassan (1989:116). penggolongan kata berdasarkan ciri-ciri linguistik lebih saintifik dan bersifat formal. Beliau menggunakan ciri-ciri morfologi dan sintaksis dalam mencipta golongan kata.

Golongan kata menurut Abdullah Hassan dibahagikan kepada enam golongan iaitu *kata nama*, *kata kerja*, *kata adverb*, *kata sifat*, *kata tugas* dan *kata pertikel*. Setiap golongan kata ini dibahagikan kepada subgolongan tertentu pula.

Dalam kajian ini, analisis golongan kata adalah berdasarkan pembahagian Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989), . Penggolongannya adalah berdasarkan kepada kriteria kepada empat golongan iaitu *kata nama*, *kata kerja*, *kata adjektif* dan *kata tugas*. Setiap golongan ini dapat dibahagikan pula kepada golongan yang lebih kecil

① KATA NAMA

Kata nama adalah sejumlah perkataan yang boleh menjadi dasar inti bagi binaan frasa nama dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, tempat, benda dan konsep (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan , 1989:57)

Menurut Arbak Othman (1981:33), kata nama adalah perkataan yang menduduki gatra nama dalam struktur-struktur tertentu ayat bahasa Melayu. Jelasnya, kata nama adalah perkataan yang digunakan untuk menyebut satu benda, orang, tempat dan fikiran (konsep), sama ada bernyawa atau tidak.

Kata nama adalah sejumlah perkataan yang boleh menjadi inti kepada kontruksi frasa nama. Kata nama boleh dihuraikan dari binaan intrinsiknya dan juga dari segi fungsinya dalam konstruksi sintaksis. (Hashim Haji Musa , 1989:159).

Penggolongan kata nama yang dibuat oleh Za'aba (1965:950, mewujudkan *kata nama khas* dan *kata nama nika (nama am)* disamping *kata ganti nama*. Pembahagian kata nama cara Za'aba ini dicontohi oleh ramai sarjana tempatan.

Golongan kata nama mengikut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989:46) dapat dipecahkan kepada subgolongan berdasarkan ciri-ciri semantik perkataannya, iaitu *kata nama khas*, *kata nama am* dan *kata ganti nama*. Ciri-ciri semantik ialah makna yang didukung oleh setiap kata yang tergolong dalam kata nama. Dalam kajian ini kata ganti nama akan dibincangkan secara berasingan daripada kata nama khas dan kata nama am.

Kata Nama Khas

Kata nama khas mendukung makna rujukan khusus pada nama orang , haiwan , benda, perbadanan (institusi), undang-undang, bangsa , bahasa , pangkat dan lain-lain.

Dalam tulisan , huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar. Jika nama khas terdiri daripada kata ganda, maka kedua-dua unsur itu hendaklahj dimulakan dengan huruf besar.

Manakala nama khas yang terdiri lebih daripada satu perkataan, maka setiap perkataaan tersebut ditulis dengan huruf besar pada pangkal tiap patah katanya.

Kata nama khas boleh dibbahagikan kepada dua subgolongan iaitu *kata nama khas hidup* dan *kata nama khas tidak hidup*. Kata nam khas hidup pula dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu *kata nama khas hidup manusia* dan *kata nama khas hidup bukan manusia*.

ii **Kata Nama Khas Hidup Manusia**

Kata nama khas ini terdiri daripada perkataan-perkataan yang merujuk manusia. Contohnya :

1.
 - i. Ridzaudin
 - ii. Raja Azlan Shah
 - iii. Tan Sri Zainal Abidin
 - iv. Puteri Kamariah
 - v. Haji Omar

Kata nama jenis ini digunakan juga dalam penciptaan perbilangan adat. Berikut adalah contoh perbilangan adat yang mengandungi kata nama jenis ini.

2.

Tatang puan tatang cerana,
tatang biduk *Seri Rama*;
datang tuan datang bermana,

Pautu

jemput naik duduk bersama.

(hal:67)

Kata nama khas manusia dalam perbilangan adat diatas ditandai denganhuruf condong , iaitu *Seri Rama*.

Kata Nama Khas Hidup Bukan Manusia

Kata nama khas ini terdiri daripada perkataan yang merujuk benda-benda yang hidup tetapi bukan jenis manusia, seperti malaikat, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Contohnya:

3.

- i. Malaikat Jibrail
- ii. Sang Kancil
- iii. Burung Tekukur Jawa
- iv. Vanda diana (orkid)
- v. Si Hitam

Kata nama khas hidup bukan manusia ini dapat dikesan hadir dalam perbilangan adat yang dikaji seperti yang dinyatakan di bawah ini.

4.

Apa perbilangan nan tua-tua dahulu?
Pertama kalam Allah,

no : 4(5)

Kedua kalam *Rasul*
Ketiga resam dunia.

(hal:74)

5.

Apa yang dibilang itu
Pertama kalam *Allah*,
Kedua kalam *Nabi*,
ketiga kalam tua,
keempat kalam negeri,
Hidup berperuntungan,
mati hukum *Allah*.

hal:7(2)

(hal:148)

Daripada contoh perbilangan adat tersebut, perkataan *Allah*, *Rasul* dan *Nabi* adalah kata nama khas hidup bukan manusia.

Allah merupakan Tuhan kepada umat Islam manakala *Nabi* atau *Rasul* adalah pesuruh *Allah* untuk menyampaikan segala wahyu atau ajaran agama Islam kepada seluruh umat manusia. Daripada analisis yang dilakukan didapati perkataan ini beberapa kali digunakan di dalam perbilangan adat yang dikaji.

Kata Nama Khas Tak Hidup

Kata nama khas tak hidup ini terdiri daripada perkataan yang merujuk benda-benda yang khusus tetapi bukan hidup, misalnya merujuk nama benda ,

institusi , negara, tempat, bangsa, bahasa , pangkat, undang-undang dan sebagainya. Contohnya:

6.

- i. Selangor Daul Ehsan
- ii. Universiti Putra Malaysia
- iii. India
- iv. Majlis Amanah Rakyat
- v. Selat Tebrau

Setelah diselidiki penggunaan kata nama khas bukan hidup ini hadir dengan jumlah yang agak banyak juga jika dibandingkan dengan kata nama khas yang lain. Daripada perbilangan adat yang dikaji contoh kata nama khas bukan hidup ini dapat dilihat daripada perbilangan adat di bawah ini.

7.

Kemudian daripada itu,
ada pula perbilangan:
selilit *Pulau Cerca*,
selimbang *Tanah Melayu*
sealam *Minangkabau*.

22 1/2 : 5 (4)

(hal:149)

8.

Mengedar ke hilir,
air nan melurut,
pasir putih airnya jernih,
tampat galah silang seli,
tempat perahu hilir mudik,
tempat dagang keluar masuk,

23 : 9 (3)

tempat *Keling* putar memutar,
 tempat *Cina* timbang menimbang,
 orang ramai dalam negeri,
 sembah datuk.

(hal:83)

Perkataan *Pulau Cerca, Tanah Melayu dan Minangkabau* dalam perbilangan adat diatas adalah kata nama khas tidak hidup merujuk nama tempat. Manakala *Keling* dan *Cina* adalah merujuk kepada nama bangsa.

Daripada analisis yang dilakukan didapati kata nama khas bukan manusia sering menggunakan perkataan yang sama, manakala kata nama khas tak hidup adalah lebih banyak jumlah penggunaannya dalam subgolongan kata nama khas dalam perbilangan adat yang dikaji.


2 Kata Nama Am

Kata nama am adalah kata nama yang tidak merujuk kepada nama-nama secara khusus. Sebaliknya kata nama am digunakan bagi menyebut segala benda, perkara, proses, kejadian, keadaan dan konsep-konsep yang mujarad.

Oleh itu, kata nama am meliputi nama terbitan, iaitu perkataan nama yang diterbitkan daripada

perkataan lain dengan memakai imbuhan , (Arbak Othman, 1989:141)

Kata nama am boleh pula dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil berdasarkan ciri makna perkataannya, iaitu hidup atau tak hidup, manusia atau bukan manusia, institusi atau bukan institusi, konkrit atau abstrak, berbilang atau tidak. Pembahagian ini dapat dilihat seperti rajah berikut:



(Nik Safiah Karim dan rakan-rakan ,1989:60)

2.1 Kata Nama Am Hidup Manusia

Kata nama jenis ini terdiri daripada perkataan yang merujuk manusia, iaitu bersifat hidup dan mendukung makna am, contoh kata nama daripada jenis ini adalah seperti berikut:

1.
 - i. pensyarah
 - ii. kanak-kanak
 - iii. bapa
 - iv. penoreh
 - v. jutawan

Contoh perkataan jenis *nama am hidup manusia* dapat dikesan hadir juga dalam perbilangan adat yang dikaji. Sebagai contohnya seperti perbilangan adat di bawah:

2.

24 : 6 (>)

Sembah *datuk*;
 Kata *orang*, bila mengadakan *anak*:
 Kok *lelaki* serahkan mengaji,
 kok *perempuan* serahkan menjahit;
 sombong pada *emaknya*,
 megah pada *ayahnya*.

(hal: 44)

Perkataan *datuk* dalam perbilangan adat diatas adalah merujuk kepada gelaran lelaki yang terlibat di dalam pengendalian adat tersebut.

Manakala perkataan *anak* adalah merujuk kepada manusia sama ada lelaki atau perempuan.

Perkataan lain yang merujuk kata nama am hidup manusia ialah *lelaki, perempuan emak* dan *ayah*.

2.2 *Kata Nama Am Hidup Bukan Manusia*

Kata nama jenis ini merupakan kata nama yang merujuk benda-benda yang bernyawa selain manusia iaitu binatang dan tumbuh-tumbuhan serta makhluk -makhluk lain. Contoh:

3. i. harimau
- ii. rama- rama
- iii. pokok
- iv. malaikat
- v. syaitan

Contoh-contoh perkataan daripada subgolongan kata nama ini dapat ditemui dalam perbilangan adat yang dikaji. Antaranya seperti berikut:

4.

25: 8(4)

Beginilah datuk:

Kami ni pun bak kata datuk
tadi:

Kok umur belum setahun *jagung*
kok darah belum setampuk
pinang

kok *akar* belum selilit
telunjuk

Dan lagi datuk,
orang membeli *kerbau* dengan
talinya,
mengikat kata dengan tandanya.

(hal :46)

Daripada perbilangan adat di atas, kata
nama am hidup bukan manusia diwakili oleh
perkataan *jagung* , *pinang* , *akar* dan *kerbau*.

Perkataan *jagung* dan *pinang* adalah
merujuk kepada hasil tanaman, manakala *akar*
merujuk kepada bahagian pada tumbuhan yang
letaknya di dalam tanah dan *kerbau* merujuk
kepada haiwan ternakan yang biasanya digunakan
oleh petani untuk membantu membajak sawah .

2.3 Kata Nama Am Taka Hidup Institusi

Kata nama jenis ini terdiri daripada perkataan yang merujuk badan atau institusi yang bersifat tidak hidup tetapi mendukung makna am. Kata nama ini boleh dikenal pasti melalui kehadiran sendi nama *kepada* dan *daripada* sebelum kata nama institusi. Contoh:

5. i. sekolah
- ii. majlis
- iii. pertubuhan
- iv. universiti
- v. hospital

Mengikut pendapat Asmah Haji Omar (1986:31) contoh-contoh nama institusi di atas bertukar menjadi bukan institusi sekiranya menggunakan kata depan *ke*. Contoh:

6.

- i. Laporan ini hendaklah dikirimkan kepada Kementerian secepat mungkin.
- ii. Saya pergi ke Kementerian pagi tadi.

Dalam ayat (I) perkataan Kementerian merupakan kata nama instusi sebaliknya dalam ayat (ii) pula bukan institusi kerana menunjukkan tempat.

Daripada analisis terhadap pantun-pantun yang dikaji , contoh kata nama am tidak hidup institusi ini tidak ditemui.

2.4 ^{Am} Kata Nama Tidak Hidup Bukan Institusi Konkrit ^

Kata nama am jenis ini merujuk benda-benda yang bukan institusi tetapi konkrit sifatnya, iaitu benda yang boleh dilihat dengan mata,

disentuh, didengar, dihidu oleh pancaindera ,
(Asmah Haji Omar , 1986:30).

Bagi kategori ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan mengikut contoh Asmah kerana lebih luas dan jelas sekiranya dibandingkan dengan penggolongan yang dilakukan oleh Nik Safiah dan rakan-rakan kerana penggolongan Nik Safiah Karim dan rakan-rakan lebih banyak merujuk kepada tempat sahaja, sedangkan kata nama am konkrit bukan hanya merujuk tempat sahaja.

Contoh-contoh kata nama jenis ini adalah seperti berikut:

7.

- i. rumah
- ii. emas
- iii. laut
- iv. angin
- v. bulan

Daripada kajian yang dilakukan, kata nama am jenis ini paling banyak ditemui dalam perbilangan adat yang dikaji. Contoh-contoh penggunaan kata nama am ini dapat dilihat kehadirannya dalam contoh perbilangan adat di bawah.

8.

26:14 (1)

Sembah datuk,
 Akan kedatangan kami ini dari
kampung nan bersudut,
rumah nan berkotak *tangga*,
sawah nan berlopak,
jenjang nan berderet,
 dalam perjalanan mana:
jambatan nan diseberangi
pintu pagar dah dikuit,
halaman dah ditempuhi,
tangga dah dilangkahi,
tikar dah kami duduki;
 maka sampailah saya ke *teratak*
 datuk,
 mengikut arahan adat.

(hal: 69)

Daripada contoh perbilangan adat di atas, kata nama am bukan institusi konkrit di wakili oleh perkataan *kampung*, *rumah*, *tangga*, *sawah*, *jenjang*, *jambatan*, *pintu pagar*, *halaman*, *tikar* dan *teratak*.

2.5 Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi Abstrak
Berbilang

Kata nama jenis ini merujuk benda-benda atau perkara-perkara yang tidak hidup, bukan institusi dan abstrak sifatnya tetapi boleh dibilang iaitu dapat disertai dengan kata bilangan , (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan , 1989:62). Contohnya:

9.

- i. senyuman
- ii. bayangan
- iii. pendapat
- iv. teori
- v. pengalaman

Contoh begini dapat dilihat melalui perbilangan adat di bawah.

10.

Rumah besar alangnya besar,
Rumah Datuk Perdana Menteri;
kalau tidak *hajat* nan besar
kami takkan sampai ke mari.

Pautu

(hal:68)

Lebah hinggap di pohon
buluh,
terbang hingga di atas akar;
bukan sembah sebarang
sembah,
sembah adat dengan
pusaka.

Pautu

(hal:68)

Perkataan *hajat* adalah kata nama am bukan institusi yang tidak hidup, bersifat abstrak boleh dihitung.

Demikian juga dengan perkataan adat dan *pusaka* merupakan kata nama yang tidak dapat

dilihat, dihidu ataupun didengar, sifatnya abstrak tetapi masih boleh dihitung, contohnya satu hajat, dua adat atau satu pusaka.

2.6 Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi Abstrak Tak berbilang.

Kata nama jenis ini merujuk benda-benda atau perkara-perkara yang bukan jenis hidup, bukan institusi, abstrak sifatnya dan tidak dapat dibilang. Contohnya,

11.

- i. roh
- ii. iklim
- iii. keadilan
- iv. ganjaran
- v. kehendak

Melalui analisis yang dilakukan terhadap perbilangan adat yang dikaji terdapat penggunaan perkataan dalam golongan ini, misalnya:

12.

Bukan lebah sebarang lebah,
 lebah hinggap di pohon buluh;
 bukan sembah sebarang sembah,
 sembah mengangkat jari sepuluh.

Panti

(hal:68)

Pinang datang dari Melaka,
 bawa singgah di tengah pekan;
 cuma tangkal *budi bahasa*,
 mintalah datuk tolong sudikan.
 Sembah datuk.

Panti

(hal:68)

Perkataan *sembah* dan *budi bahasa*
 adalah kata nama am tidak hidup bukan
 institusi bersifat abstrak dan tidak boleh
 dibilang.

Daripada analisis perbilangan adat yang
 dilakukan dapat dibuat perbandingan bahawa
 dalam kata nama am, didapati kata nama am tak
 hidup bukan institusi konkrit paling tinggi
 peratusannya dibandingkan dengan yang lain-
 lain.

Ini adalah kerana berkemungkinan pencipta perbilangan adat menjadikan isi alam di sekitar mereka sebagai sumber atau inspirasi untuk mencipta perbilangan adat.

Kata nama hidup bukan manusia juga tinggi peratus penggunaannya. Subgolongan kata nama am ini agak sering ditemui dalam perbilangan adat Melayu Negeri Sembilan kerana perkataan-perkataan daripada subgolongan ini merupakan flora dan fauna mewarnai alam ataupun benda-benda yang sering berada di persekitaran mereka.

Masyarakat Melayu tradisional Negeri Sembilan merupakan pemikir yang kritis, lantaran itu keindahan alam menjadi ilham untuk mereka mencipta perbilangan adat yang merupakan pengucapan sewaktu mengendalikan upacara adat perkahwinan.


3 KATA GANTI NAMA

Ramai ahli bahasa menggolongkan kata ganti nama sebagai sebahagian daripada subgolongan kata nama. Perbincangan mengenainya sering diselitkan dengan kata nama. Untuk kajian ini, kata ganti nama dibincangkan secara terasing daripada kata nama.

Walaupun ramai yang menggolongkan kata ganti nama ke dalam kategori kata nama tetapi Asmah Haji Omar, (1986:77) dan C.A Mees (1969:95) mengasingkan kata ganti nama daripada golongan kata nama sewaktu membicarakannya.

Mengikut pendapat Asmah Haji Omar (1986:77), kata ganti nama adalah kata yang erdiri di tempat kata nama. Dengan demikian kata ganti nam boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat.

Kata ganti nama adalah kata yang dapat menjadi pengganti pada kata nama khas dan kata nama am. Kata ganti nama ini dapat dikategorikan kepada subgolongan tertentu. Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989:64) , membahagikan kata ganti nama ini kepada *ganti nama tunjuk* dan *kata ganti nama diri*. Kata ganti nama diri ini pula dapat dibahagikan kepada *ganti nama diri tanya* dan *kata ganti nama orang* sama ada pertama, kedua dan ketiga.



(Nik Safiah Karim dan rakan-rakan , 1989:63)

SUBGOLONGAN KATA GANTI NAMA

3.1 Kata Ganti Nama Tunjuk

Kata ganti nama tunjuk adalah perkataan yang dipakai bagimenggantian nama benda yang ditunjuk yang berdasarkan ukuran jarak.

Arbak Othman, (1989:13), membahagikan kata ganti nama tunjuk kepada lapan iaitu *ini, itu, sana, sini, situ, begini, begitu* dan *demikian*.

Sebaliknya Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989:64) dan Asmah Haji Omar (1986:84) membahagikan ganti nama tunjuk kepada dua sahaja iaitu *ini* dan *itu*. *Ini* menunjukkan pada benda yang dekat dan *itu* menunjuk pada benda yang jauh.

Dalam kajian yang dibuat, contoh ganti nama tunjuk ini tidak banyak ditemui dalam perbilangan adat yang dikaji. Namun, contoh ganti nama tunjuk ini dapat dilihat penggunaannya dalam perbilangan adat di bawah.

1.

27.12(2)

Jadi nampaknya,
hari nan sehari *ini*,
terkumpullah segala,
orang semenda nan seresam,
tempat semenda nan seadat,
Jauh nampaknya telah dipanggil,
kok dekat dah terkampung
Kok kusut sudah selesai,
kok keruh dah jernih.
Dengan *itu*,
kok duduk sama rendah,
kok berdiri sama tinggi.

(hal:38-39)

Dalam contoh perbilangan adat di atas, perkataan *ini* dan *itu* adalah perkataan yang digolongkan sebagai kata ganti nama tunjuk. Dalam baris *hari nan sehari ini*, perkataan *ini* merujuk kepada hari perbilangan adat itu diucapkan.

Keadaan ini memberi gambaran jarak yang sangat hampir. Perkataan lain ialah *itu* merujuk kepada baris *dengan itu*.

Kata ganti nama tunjuk yang terdapat dalam perbilangan adat di atas, boleh bergabung dengan pertikel - lah.

3.2 Kata Ganti Nama Diri

Kata ganti nama diri ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu *kata ganti diri tanya* dan *kata ganti diri orang*. Kedua-duanya dapat merujuk kepada manusia atau benda. Pembahagian ini adalah menurut pandangan Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1994:64)

Namun sebahagian pengkaji, mengasingkan kata ganti nama diri tanya ini kepada subgolongan

yang tersendiri dalam golongan kata ganti nama, dikenali sebagai kata ganti pertanyaan, (Arbak Othman, 1989:12).

3.3 Kata Ganti Nama Diri Tanya

Kategori kata ganti nama ini digunakan untuk merujuk benda atau orang dalam bentuk tanya. Terdapat tiga jenis ganti nama dalam kategori ini.

Hashim Haji Musa (1993:166), menerangkan bahawa tiga jenis kata itu ialah *siapa* untuk manusia, *apa* untuk bukan manusia dan *mana* untuk manusia dan bukan manusia. Pembahagian ini sama seperti pembahagian oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakan yang menjadi model kajian ini.

2.

28 : 9 (4)

Sembah datuk:
 Mana yang terlindung
 dek terlindung nan lapan
 mana yang tersungkup:
 dek atap nan selayar;
 nama nan duduk:
 di lantai nan sebilah,

saya habiskanlah:
dengan jari nan sepuluh.

(hal:38)

Kata ganti nama diri tanya ini diwakili oleh perkataan *mana* dalam baris kedua perbilangannya di atas. Perkataan di atas merujuk kepada manusia.

3.4 *Kata Ganti Nama Diri Orang*

Kata ganti nama jenis ini mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga.

Kata ganti nama ini sama ada bermaksud jamak atau tunggal boleh diklasifikasikan kepada tingkatan rendah, biasa atau tinggi. Faktor-faktor yang menentukan tingkatan ini dapat dilihat melalui faktor umur, jarak hubungan atau keakraban ataupun status (Nik Safiah Karim, 1981:105)

Berikutan kajian ini, pengkaji tidak mengklasifikasikan kata ganti nama diri orang ini kepada tingkatan tertentu, hanya mengasingkannya mengikut maksud jamak atau tunggal sahaja.

3.5 *Ganti Nama Diri Orang Pertama*

Dalam bahasa Melayu, ganti nama seperti *aku*, *patik*, *beta*, *kami*, *kita* dan *saya* tergolong dalam kata ganti nama diri orang pertama.

Contoh ganti nama diri orang pertama tunggal ialah :

3.

- i. *beta*
- ii. *saya*
- iii. *aku*
- iv. *patik*
- v. *hamba*

Bagi ganti nama diri pertama dapat dilihat melalui perbilangan adat di bawah.

4.

Kalau begitu datuk, 29:8 (5)
saya bagi pihak:
 tempat semenda nan seadat,
 terlebih dahulu mengucapkan
 ribuan terima kasih
 kepada datuk beserta semenda
 semuanya kerana
 menurut adat nan diadatkan:
 pagar tasak besi bunian *kami*
 tempat benar orang tempat
 semenda.

Perkataan *saya* adalah menunjukkan ganti nama diri pertama tunggal. Perkataan *saya* sering digunakan untuk menunjukkan ganti nama diri ini dalam perbilangn adat yang di kaji . Ini menunjukkan kehalusan bahasadalam pengucapan orang Negeri Sembilan yang penuh beradat dalam menjalani upacara perkahwinan atau kehidupan seharian mereka.

Tidak dijumpai perkataan *aku* digunakan. Ini mungkin kerana penggunaan perkataan *aku* dalam pengucapan kepada tetamu atau orang yang dikunjungi dianggap agak kasar dari segi budi bahasa dalam pengucapan atau perbualan.

Contoh ganti nama diri orang pertama jamak ialah *kami* dan *kita* . Kedua-dua jenis ganti nama ini ada digunakan dalam perbilangn adat Negeri Sembilan. Ini dapat dilihat melalui contoh perbilangn di bawah.

5.

30: 3(2)

Sembah datuk:

Menurut kehendak adat nan diadatkan:

Adat *kita* nan bersuku nan berwaris;

(hal:38)

6.

31: 6(3)

Dapat pagi sampaikan pagi,

dapat petang sampaikan petang,
 dapat buruk sampaikan buruk,
 dapat baik sampaikan baik,
 kepada *kami*,
 tempat semenda nan seadat.

(hal:39)

3.6 Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua

Ganri nama diri orang kedua adalah ganti nama yang digunakan untuk ditujukan kepada orang yang dilawan bercakap. Contohnya:

7.

- i. anda
- ii. engkau
- iii. awak
- iv. kau
- v. tuan/puan

Ganti nama jenis ini tidak dapat dibezakan sama ada orang yang dilawan bercakap itu tunggal atau ramai. Tetapi menurut Aabdullah Hassan (1988:33) , kata bilangan *semua* boleh digunakan untuk menunjukkan ramai, yang diletakkan selepas ganti nama tersebut.

Melalui analisis ke atas perbilangan adat ini, didapati kata ganti nama diri orang kedua yang sering digunakan ialah *datuk*. Ini dapat dilihat melalui perbilangan adat di bawah.

8.

Kok begitu *datuk*,
 Hari nan sehari ini,
 kok malam nan semalam ini,
datuk datang membawa kata:

3214(6)

(hal:52)

Perkataan *datuk* sering digunakan adalah kerana pengucapan perbilangan adat ini adalah satu upacara yang penuh dengan kehalusan bahasa, maka perkataan lain dalam golongan ini tidak sesuai digunakan lebih-lebih lagi orang yang dilawan bercakap adalah orang penting dalam sesuatu suku itu dan dipanggil *datuk*.

Contoh lain penggunaan kata ganti nama kedua adalah seperti di bawah.

9.

Tatang puan tatang cerana
 tatang biduk Seri Rama
 datang tuan datang bermakna
 jemput naik duduk bersama.

1214

(hal:67)

Melalui perbilangan adat di atas perkataan tuan digunakan sebagai kata ganti nama kedua.

3.7 Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga

Kata ganti jenis ini bertujuan untuk merujuk orang yang dicakapkan halnya. Dapat diklafikasikan kepada jamak dan tunggal. Contoh ganti nama diri orang ketiga jamak diwakili oleh *mereke* dan *beliau-beliau*. Contoh tunggal adalah seperti berikut:

10.

- i. ia
- ii. dia
- iii. beliau
- iv. nya
- v. baginda

Contoh penggunaannya dalam perbilangan adat dapat diperhatikan melalui contoh di bawah.

11.

Yang kecil sudah besar
yang bingung dah cerdik,
sombong pada emaknya
megah pada ayahnya.

33 : 4 (7)

(hal:46)

Dalam contoh perbilangan adat diatas, nya adalah merujuk kepada anak kepada si emak atau anak kepada si ayah si polan yang dimaksudkan. Contoh jamak tidak ditemui.

Daripada analisis yang dilakukan didapati bahawa dalam golongan kata ganti nama ini subgolongan ganti nama diri orang pertama saya paling banyak digunakan dalam perbilangan adat yang dikajidan diikuti dengan ganti nama diri orang kedua iaitu perkataan *datuk*.

4 KATA KERJA

Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti kepada frasa kerja yang boleh disertai oleh beberapa unsur lain. Kata kerja digunakan untuk merujuk kepada proses atau perbuatan.

Harimurti Kridalaksana (1984:205), menyatakan bahawa kata kerja (verba) adalah kelas kata yang biasanya berfungsi sebagai predikat; dalam beberapa bahasa lain kata kerja mempunyai ciri morfologis seperti ciri-ciri masa, aspek, pesona

(ganti nama diri) atau jumlah. Sebahagian besar verba mewakili unsur semantis perbuatan, keadaan atau proses.

Manakala Asraf (1989:42) menyatakan yang makna perbuatan atau perlakuan itulah yang dimaksudkan dengan kata kerja. Kata kerja dapat disertai oleh kata nafi *tidak* dan umumnya ditandai oleh imbuhan-imbuhan seperti *ber-*, *ber-an*, *me-*, *me-kan*, *me-i*, *memper-kan* dan *memper-i* serta tidak boleh memakai kata penguat bersamanya.

Pengkelasan kata kerja berbeza antara seorang linguist dengan linguist yang lain. Sebagai contoh, Za'aba (1965:121) menyatakan perbuatan (kata kerja) dapat dipecahkan kepada perbuatan melampau (transitif) dan perbuatan tak melampau (tak transitif).

Manakala Abdullah Hassan (1988:34) membahagikan kata kerjaan (kata kerja) kepada tiga iaitu kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kopula.

Sementara itu, Nik Safaiah Karim dan rakan-rakan (1989:99) menggolongkan kata kerja kepada dua

subgolongan utama iaitu *kata kerja transitif* dan *kata kerja tak transitif*. Seterusnya kata kerja tak transitif dapat dibahagikan pula kepada *kata kerja tak transitif berpelengkap* dan *kata kerja tak transitif tanpa pelengkap*.

4.2 **Kata Kerja Transitif Pasif**

Kata kerja transitif pasif ada hubungan rapat dengan kata kerja transitif aktif. Bagi Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989:103) kata kerja transitif pasif ialah kata kerja yang mengalami proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif. Contoh dalam ayat seperti yang dinyatakan di bawah.

1.

Kata Kerja Transitif Ayat Aktif

- i. Tok Ki *menghalau* ayam ke reban
- ii. Kami *makan* ayam panggang itu.
- iii. Ahli perniagaan itu *menipu* menteri.

Kata Kerja Transitif Ayat Pasif

- i. Ayam *dihalau* oleh Tok Ki ke reban.
- ii. Ayam panggang itu kami *makan*

iii. Memnteri *ditipu* oleh ahli perniagaan itu.

Contoh -contoh kata kerja transitif pasif dalam ayat-ayat di atas seperti *dihalau*, *ditipu* dan *kami makan* diperolehi dengan menukarkan bentuk aktif menjadi ayat pasif.

Contoh kata kerja transitif sedia wujud dalam perbilangan adat di bawah ini.

2.

jambatan dah *diseberangi*
pintu pagar dah *dikuit*,
halaman dah *ditempuhi*
tangga dah *dilangkahi*.

34: 4 (8)

(hal:69)

Ayat pasif *jambatan dah diseberangi* adalah transformasi daripada ayat aktif *mengeberang jambatan*, manakala *halaman dah ditempuhi* adalah daripada *dah menempuh halaman*, begitu juga dengan ayat-ayat lain.

3.

Maka ditengok pula tempat
diri saya:
turun dari rumah yang
berkotak tangga
maka saya *langkahkan*
tangan nan bongsu.

35: 3 (3)

(hal:73)

4.

Maka tangga pun saya jingkat,
 pelempar sudah saya
 langkahkan,
 atap sudah saya serundukkan
 tikar sudah saya duduki.

3b:4(a)

(hal:73)

Merujuk kepada perbilangan adat di atas, ayat pasif *maka saya langkahkan tangga nan bongsu* boleh diaktifkan menjadi *maka saya melangkahkan tangga nan bongsu*. Bagi ayat pasif *pelempar sudah saya langkahkan* boleh diaktifkan menjadi *saya sudah melangkahkan pelempar*.

Manakala ayat pasif *atap sudah saya serundukkan* menjadi *saya sudah menyerundukkan atap*.

4.4 Kata Kerja Tak Transitif

Jika kata kerja transitif dikenali sebagai perbuatan melampau maka kata kerja tak transitif dikenali sebagai kata kerja tak melampau (Za'aba, 1965:121)

Kata kerja tak transitif tidak memerlukan objek selepas kata kerjanya. Kata kerja ini boleh

merupakan kata dasar sahaja atau boleh juga memakai imbuhan tertentu seperti *ber-*, *ter-*, *ber-an*, *me(N)*, dan sebagainya. Contohnya:

5.

- i. datang
- ii. menangis
- iii. berlari-larian
- iv. bertaburan
- v. termenung
- vi. bersisir

Kata kerja tak transitif dapat digolongkan pula kepada subgolongan kata kerja tak transitif berpelengkap dan kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.

4.1 *Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap*

Kata kerja tak transitif ini bukan sahaja tidak mempunyai objek atau penyambut tetapi juga tidak mempunyai pelengkap. Kata kerja ini dapat berdiri sendiri tanpa bantuan unsur-unsur lain seperti dalam contoh berikut:

6.

- i. Perawan itu masih *berdandan*
- ii. Semua orang orang sudah *pulang*.
- iii. Padi sedang *menguning*.

Semua ayat di atas terdiri daripada subjek dengan kata kerja yang dapat berdiri sendiri tanpa pergantungan pada unsur-unsur lain untuk melengkapkan makna ayat.

Kata kerja jenis ini boleh diikuti oleh unsur keterangan yang berfungsi memberi maklumat tambahan . (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan, 1989:100).

7.

- i. Perawan itu masih berdandan di kamarnya.
- ii. Semua orang sudah pulang sebentar tadi.
- iii. Padi sedang menguning di sawah.

Contoh kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ini di temui dalam perbilangan adat berikut:

8.

Bukan lebah sebarang lebah
lebah *hinggal* di pohon buluh
bukan sembah sebarang sembah
sembah mengangkat jari sepuluh.

part

9.

Sembah datuk,
 Bukan lebah sebarang lebah
 lebah *bersarang* di atas atap
 bukan sembah sebarang sembah
 sembah saya hendak bercakap.



(hal:69)

Dalam perbilangan adat di atas kata kerja tak transitif tanpa pelengkap yang terdapat di dalamnya ialah *hinggap* dan *bersarang*.

Dalam ayat *lebah bersarang dia atas atap* perkataan *di atas atap* adalah unsur keterangan sahaja. Tanpa kata keterangan ini ayat tersebut masih difahami maksudnya.

Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ini banyak ditemui dalam kajian ini.

4.6 ***Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap***

Subgolongan kata kerja ini memerlukan pelengkap bagi menyempurnakan makna ayat. Unsur pelengkap ini berbeza dengan objek kerana objek hanya hadir selepas kata kerja transitif dan boleh mengalami proses pasif.

Sebaliknya pelengkap ialah unsur yang hadir selepas kata kerja tak transitif bertujuan untuk melengkapi ayat. Ayat yang mengandungi kata kerja tak transitif berpelengkap ini tidak boleh dipasifkan (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan, 1989:101).

Contoh kata kerja ini dapat dilihat penggunaannya melalui contoh dibawah:

10.

- i. Penagih dadah itu bertambah kurus.
- ii. Dia *menjadi* bilal di masjid itu.
- iii. Mereka *tinggal* di kawasan setingan.

Kata kerja dalam ayat-ayat tersebut jika ditiadakan pelengkapnya menjadi kurang tepat bentuk dan maknanya. Ayat-ayat itu juga tidak boleh dipasifkan. Perhatikan bentuk ayat tersebut sekiranya pelengkap digugurkan.

11.

- i. Penagih dadah itu bertambah.....
- ii. Dia menjadi
- iii. Mereka tinggal

Contoh penggunaan kata kerja tak transitif berpelengkap ini dapat dilihat daripada perbilangan adat berikut:

12.

Meranti dua batang,
ditebang dua pemuka
yang dinanti dah datang
silalah, apa nak dikata.

Panti

(hal 68)

13.

Turun istana *menjunjung* titah
turun balai *menjunjung* sabda
turun telapak *membawa* sembah
tempah semenda

37:3(4)

(hal:140)

Contoh kata kerja tak transitif berpelengkap ada dalam contoh perbilangan adat di atas didapati jika digunakan tanpa pelengkap selepas kata kerja tersebut akan menyebabkan ayat tersebut tudak difahami maksudnya atau ayat itu seperti berakhir, demikian juga dengan kata kerja *menjunjung* dan *membawa* seperti dalam ayat-ayat di bawah.

14.

- i. yang dinanti.....
- ii. turun balai menjunjung.....
- iii. turun telapak membawa.....

Ayat -ayat dalam cobtoh di atas memang tidak lengkap tanpa pelengkap yang sepatutnya menduduki tempat kosong yang disediakan itu.

Kata kerja daripada jenis ini banyak juga di dapati di dalam perbilangan adat dalam kajian ini.

5 KATA ADJEKTIF

Dalam mengkaji golongan kata bahasa Melayu, kata adjektif dikenal pasti sebagai salah satu daripada golongan kata utama.

Istilah kata adjektif ini dikenali juga sebagai *kata sifat* oleh Abdullah Hassan, Asmah Hj. Omar dan Arbak Othman. Manakala Za'ba memakai istilah *sifat nama* dan C.E Mees menggunakan istilah *kata keadaan*.

Kata adjektif adalah akata yang emmpunyai penanda darjahsama (sekecil), penanda darjah lebih (kekecilan), penanda darjah paling (terkecil), pengintensif (kecil-kecil atau kecil-kecilan). Dapat dibuat dengan dikaitkan dengan akar kata ,akhiran -an dan awalan ter- dan dikaitkan kepada kepada nama

akhiran *-an* , *-I* dengan beberapa proses morfofonemik, (Lufti Abas , 1975 :256).

Hashim Haji Musa (1993:282), mentakrifkan kata adjektif sebagai perkataan yang boleh menjadi unsur inti kepada frasa adjektif iaitu frasa endosentrik. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif.

Kata adjektif ini boleh dikenali dan dibezakan daripada golongan kata lain dengan cirinya yang boleh didahului oleh kata penguat seperti; terlalu, amat, benar, sekali, sangat, sungguh dan sebagainya. Kata penguat ini boleh mendahului kata adjektif atau selepas kata adjektif. Contohnya:

1.

- i. sangat *manis*
- ii. terlalu *payah*
- iii. *mesra* benar
- iv. sungguh *cantik*
- v. amat *bersih*

Perkataan yang berhuruf condong adalah kata adjektif dan yang tidak ditulis condong adalah kata penguat (unsur keterangan). Perkataan adjektif ini

adalah unsur inti bagi frasa tersebut. Sekiranya ditiadakan, frasa tersebut tidak membawa sebarang makna atau bertukar makna lain sekiranya kata adjektif lain dimasukkan. Bagaimanapun kata keterangan tersebut tetap berfungsi sekiranya keterangan ditiadakan.

Dalam golongan kata adjektif ini masih juga terdapat perbezaan pendapat antara ahli bahasa. Sebagai contohnya, Asmah Haji Omar (1986:148) dalam bukunya **Nahu Melayu Muthakhir** membahagikan kata sifat kepada subgolongannya berdasarkan komponen maknanya dan juga hubungan sintagmatiknya dengan kata-kata lain dalam frasa. Subgolongannya adalah seperti yang dinyatakan ini.

2.

- i. Kata sifat tabii
- ii. Kata sifat ukuran
- iii. Kata sifat warna
- iv. Kata sifat bentuk
- v. Kata sifat indera
- vi. Kata sifat gabungan indera
- vii. Kata sifat waktu
- viii. Kata sifat jarak
- ix. Kata sifat kecekapan

- x. Kata sifat kuat tenaga
- xi. Kata sifat taraf

Kalau Asmah Haji Omar menggolongkan kata adjektif kepada subgolongan yang begitu banyak, berlainan pula dengan Za'ba dan A. Van Ophuijsen. Za'ba (1965:153) membahagikan kata sifat kepada sifat nama dan sifat kata.

Manakala A. Van Ophuijsen (1963:73) membahagikan kata adjektif ini kepada tiga subgolongan iaitu adjektif dasar, adjektif derivatif dan adjektif majmuk.

Dalam kajian ini, penulis menganalisis golongan kata adjektif berdasarkan penjenisan yang dibuat oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989:173). Beliau mengketegorkan kelas kata adjektif seperti berikut:

3.

- i. Kata adjektif sifat atau keadaan
- ii. Kata adjektif warna
- iii. Kata adjektif ukuran
- iv. Kata adjektif bentuk
- v. Kata adjektif waktu

- vi. Kata adjektif jarak
- vii. Kata adjektif cara
- viii. Kata adjektif perasaan
- ix. Kata adjektif pancaindera

Kata adjektif berfungsi sebagai penerang kata nama , sebagai predikat di dalam pembentukan frasa adjektif dan sebagai unsur keterangan.

5-1 *Kata Adjektif Sifatan atau Keadaan*

Kata adjektif sifatan atau keadaan terdiri daripada perkataan yang memberri pengertian sifatan atau keadaan kepada nama. Ini termasuklah pencirian kepada kualiti tertentu yang ada pada sesuatu keadaan. Kata sifat jenis ini dapat dibahagikan kepada subgolongan negatif dan positif.

Contoh perkataan adjektif yang boleh dikumpulkan dalam kumpulan ini ialah:

2.

- i. jahat
- ii. pandai
- iii. garang
- iv. kering

v. kutai

Dalam kajian yang dilakukan didapati kata adjektif sifatan ini hadir dalam perbilangan adat berikut.

3.

Sembah datuk
 Anak belatuk di pohon selasih
 burung kerling terbang di
 lantai;
 jemput datuk makan sirih
 sirih *kering* punangnya
 kutai

Kata adjektif *kering* merujuk kepada sifat sirih dan *kutai* merujuk kepada sifat pinang.

5.2 Kata Adjektif Warna

Perkataan yang tergolong dalam kumpulan kata adjektif ini adalah perkataan-perkataan yang memberi pengertian warna sebagai unsur keterangan. Contohnya:

4.

- i. merah
- ii. putih
- iii. perang
- iv. hijau
- v. kuning

Kata adjektif ini ditemui juga dalam perbilangan adat yang dikaji. Contoh-contoh penggunaannya dapat dilihat melalui perbilangan adat di bawah.

5.

sg: 7(3)

Tatkala buluh bilah ditanam,
 besi nan berdenting
 sezaman puntung bwerasap,
 gagak *hitam*,
 bangau *putih*
 Datuk Perpatih nan Sebatang
 adat sentosa dalam suku nan dua
 belas.

(hal:82)

Kata adjektif warna dalam perbilangan adat tersebut ialah *puth* dan *hitam*.

5.3 Kata Adjektif Ukuran

Kata adjektif ukuran adalah kata adjektif yang merujuk kepada ukuran benda bernyawa dan tidak bernyawa konkrit dan abstrak, (Aasmah Haji Oomar, 1986:149). Contoh kata sifat adjektif kumpulan ini ialah:

6.

i. tebal

- ii. panjang
- iii. kurus
- iv. kecil
- v. berat

Daripada kajian , didapati kata adjektif jenis ini juga hadir dalam perbilangan adat Negeri Sembilan yang dikaji, diantaranya seperti yang terdapat di dalam contoh di bawah.

7.

Bulat air dek ropong
 bulat adat dek muafakat
 kalau pipih ,boleh dilayangkan
 kalau bulat, boleh dogolekkan,
 sembah datuk.

(hal:78)

39/107 : 9(10)

8.

Selilit Pulau Perca,
 selimbang Tanah Melayu
 mengedar ke hulu:
 gunung nan tinggi,
 kayu nan besar,
 gunung nan dalam
 tempat penternak liar berulang
 alik.

(hal:82)

40 : 7 (4)

9.

Mengedar ke baruh:
 lepan nan lebar,
 jalur nan permatang,
 sawah nan berlantak,
 tempat rakyat bertanam padi.

(hal:83)

41 : 5 (5)

Dalam contoh di atas, perkataan *bulat*, *pipih*, *tinggi*, *besar* dalam dan *lebar* adalah kata adjektif ukuran. *Tinggi* merujuk gunung, *lebar* merujuk lepan manakala *besar* merujuk kepada saiz kayu tersebut.

☞ Kata Adjektif Waktu

Kata adjektif ini memberi pengertian konsep masa sebagai keterangan. Kata adjektif waktu boleh diwakili oleh kata adjektif seperti berikut;

10.

- i. lama
- ii. dahulu
- iii. baru
- iv. segera
- v. awal

Kata adjektif jeinis ini dapat dikesan hadir dalam pantun-pantun yang dikaji. Kehadiran kata adjektif ini dapat dilihat daripada pantun di bawah ini.

11.

Dalam demikian itu, lama - 42:4(11)
kelamaan:
mengaji pun sudah tamat
menyulam menjahit pun sudah,
maka diserulah pula untungnya.

(hal:44)

12.

Jadi kita buatlah janji, 43:4(12)
cepat janji tiga hari,
lewat janji tujuh hari
laun janji dua kali tujuh hari
Sembah datuk

(hal:48)

Kata sifat waktu dalam contoh perbilangan adat
tersebut diwakili oleh kata sifat lama-kelamaan ,
lewat dan laun. Lewat dan laun menerangkan
tempoh masa janji itu dibuat.

5.5 Kata Adjektif Jarak

Menurut Asmah Haji Omar (1986:152), kata adjektif
jenis ini menerangkan jarak antara dua titik, yakni
daripada penutur kepada yang dirujuknya. Contoh kata
adjektif jenis ini seperti yang dinyatakan dibawah.

13.

- i. jauh
- ii. dekat
- iii. hampir

iv. nyaris

Contoh kata adjektif dalam kategori ini terdapat juga kehadirannya dalam perbilangan adat yang dikaji seperti contoh di bawah.

14.

Kok jauh dah dijemput
kok dekat dah di kampung
yang jauh pun dah sampai
yang dekat telah terkampung.

44:4 (13)

(hal:49)

Perkataan jauh merujuk kepada jarak yang jauh. Dalam konteks perbilangan di atas penduduk yang tinggal jauh telah pun samapai di tempat olek atau kenduri hendak diadakan.

16 Kata Adjektif Cara

Kata adjektif cara ialah jenis perkataan yang memberi pengertian keadaan kelakuan atau ragam. Kata adjektif ini juga bertindak sebagai penerang kata nama. Contohnya:

15.

i. cepat.

- ii. lincah
- iii. laju
- iv. sering
- v. deras

Contoh penggunaan kata adjektif cari ini dapat dilihat melalui contoh di bawah.

16.

lalulah dibuat janji:
cepat janji tiga hari,
lambat janji tujuh hari
 laun janji dua kali tujuh hari
 itulah janji adat.

45:5 (b)

(hal;51)

Kata adjektif cara dalam perbilangan adat ini diwakili oleh perkataan *cepat* dan *lambat*. *Ccepat* dan *lambat* adalah kata keterangan kepada janji.

T 7 Kata Adjektif Perasaan

Kata adjektif ini terdiri daripada perkataan - perkataan yang memberi perngertian konsep perasaan , misalnya:

17.

- i. rindu
- ii. malu

iii. benci

iv. hendak

v. kasih

Penggunaan kata adjektif ini dapat di lihat melalui contoh perbilangan adat di bawah.

18.

Sembah datuk,
 Lebah bukan sebarang lebah,
 lebah berserta burung kerakap;
 sembah saya bukan sebarang
 sembah,
 sembah berserta hendak
 bercakap.
 Sembah datuk.

Panai

(hal:72)

Kata adjektif perasaan dalam pantun-pantun di atas diwakili oleh kata adjektif *hendak*.

SY Kata Adjektif Pancaindera

Subgolongan adjektif ini terdiri daripada perkataan yang memberi konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh atau gabungan kelima-lima indera (Nik Safiah Karim, 1986:181)

Dengan itu maka ka adjektif pancaindera pun boleh dibahagikan kepada lima subgolongan berdasarkan lima indera yang berkenaan.

19.

I. Indera rasa:

sedap, lazat, manis, tawar, pahit, masam,
dan sebagainya.

II. Indera pandang

cantik, molek, segar, hodoh, tampan dan
sebagainya.

III. Indera dengar

merdu, bising, senyap, sunyi, gemerincing
dan sebagainya.

IV. Indera bau

wangi, harum, busuk, hapak, hancing dan
sebagainya.

V. Indera sentuh

halus, licin, kasar, lembik, menggerutu dan
sebagainya

VI. Indera gabungan

- i. tenteram (denganr + pandang)
- ii. bersih (bau + pandang + sentuh)
- iii. selesa (sentuh + pandang)

Daripada analisis yang dibuat, beberapa contoh subgolongan kata adjektif ini dapat dikesan. Antaranya boleh dilihat daripada perbilangan adat di bawah.

20.

Kemudian,
Tanah dah *datar*
air dah *jernih*
padi dah menjadi
negeri dah *sentosa*
sembah datuk.
Maka duduklah bersuku-suku,
berapalah sukunya:
dua belas.

4¹/₂ : 9 (57)

(hal:83)

Kata adjektif pancaindera dalam perbilangan adat tersebut dibawa oleh perkataan *datar* , *jernih* dan *sentosa*.

Daripada analisa yang dilakukan didapati golongan kata nama paling tinggi penggunaannya dalam penciptaan perbilangan adat Negeri Sembilan ini. Kata kerja juga agak tinggi penggunaannya dalam perbilangan adat ini sementara kata adjektif dan kata ganti nama agak sederhana penggunaannya.